

PKPB



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN SARAWAK
SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
MULAI 01 MAC 2021**



**KEMENTERIAN BELIA & SUKAN SARAWAK
SOP SEKTOR SUKAN / REKREASI**

**AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI YANG
DIBENARKAN**

- 1** Semua aktiviti sukan dan rekreasi bagi kategori individu dan berpasukan bagi tujuan aktiviti latihan, permainan dan perlawanan (*indoor dan outdoor*) dengan mematuhi SOP sektor sukan dan rekreasi TANPA kehadiran penonton
- 2** Penganjuran kejohanan / pertandingan tertakluk kepada kelulusan Kementerian Belia dan Sukan Sarawak (KBSS) dan di maklumkan kepada *State Disaster Management Committee* (SDMC) TANPA kehadiran penonton / penyokong dan pematuhan SOP sukan dan rekreasi.
- 3** Kebenaran beroperasi dan menggunakan fasiliti sukan oleh orang awam adalah TERHAD dengan surat sokongan daripada Kementerian Belia dan Sukan Sarawak (KBSS) atau *State Disaster Management Committee* (SDMC) adalah diperlukan.





**KEMENTERIAN BELIA & SUKAN SARAWAK
SOP SEKTOR SUKAN / REKREASI**

**AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI YANG
DILARANG**



- 1** Aktiviti penganjuran kejohanan / pertandingan dengan kehadiran penyokong / penonton TANPA kebenaran Kementerian Belia dan Sukan Sarawak (KBSS) atau *State Disaster Management Committee (SDMC)*
- 2** Aktiviti Massa yang melibatkan penyertaan orang ramai pada satu satu masa seperti *Fun Run, Fun Ride Maraton* dan *Triathlon*



PKPB



PROTOKOL AM

- **PROTOKOL AM INDIVIDU**
- **PROTOKOL AM PENGURUSAN**



KEMENTERIAN BELIA & SUKAN SARAWAK SOP SEKTOR SUKAN / REKREASI

PROTOKOL AM INDIVIDU

- 

Aktiviti sukan dan rekreasi yang **DIBENARKAN** tertakluk kepada arahan Perintah Kawalan yang sedang berkuat kuasa.
- 

Memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera / CovidTrace / QMunity ke dalam telefon bimbit masing masing untuk pengesanan kontak rapat (contact tracing Pendaftaran secara manual bagi kawasan yang tidak mempunyai capaian internet.
- 

Pastikan aktiviti dilakukan di kawasan / fasiliti sukan yang mematuhi SOP diluluskan oleh MKN/SDMC.
- 

Pastikan pemakaian face mask sebelum dan selepas aktiviti yang dilakukan.
- 

Penjarakan fizikal 1 m ketika berada di premis tempat / latihan tempat / pertandingan.
- 

Pastikan tidak bersalaman / bersentuhan dan kurangkan interaksi fizikal.
- 

DILARANG berkongsi air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi.
- 

Pastikan langkah-langkah kebersihan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti dipatuhi.
- 

Dilarang meludah sembarangan/merata rata.
- 

Pastikan peralatan yang dikongsi dibersihkan,dinyahkuman dan disimpan dalam keadaan yang baik.
- 

Pastikan meninggalkan premis / tempat latihan / tempat pertandingan selepas melakukan aktiviti secepat mungkin selepas aktiviti sukan dan rekreasi.
- 


Aktiviti yang melibatkan kanak kanak berumur 12 tahun dan ke bawah, golongan kelainan upaya (OKU), berkeperluan khas dan warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas adalah tidak digalakkan.
- 


Kontak Rapat pesakit positif ; Patient Under Surveillance (PUS)/Patient Under Investigation (PUI); dan individu yang mempunyai gejala seperti selsema, batuk, sakit tekak, demam, sakit kepala dan suhu badan melebihi 37.5 celsius) adalah **DILARANG** untuk menyertai aktiviti.





KEMENTERIAN BELIA & SUKAN SARAWAK SOP SEKTOR SUKAN / REKREASI


| PROTOKOL AM PENGURUSAN


- 


Pastikan Imbasan QR (QR Code) MySejahtera/CovidTrace/QMunity dipaparkan bagi pendaftaran individu ke premis tempat latihan tempat pertandingan. Bagi kawasan yang tidak mempunyai capaian internet, perlu disediakan pendaftaran secara manual.
- 


Pastikan operasi premis tempat latihan/tempat pertandingan di maklumkan kepada KBSS / SSC.
- 


Pastikan operasi premis tempat latihan tempat pertandingan adalah secara penjadualan, tempahan tidak di benarkan walk in), kawalan penyeliaan sepanjang tempoh operasi dan mematuhi waktu operasi yang ditetapkan.
- 


Tatacara atau peraturan berkaitan pencegahan penularan COVID 19 disediakan selari dengan SOP yang dipersetujui oleh MKN & SDMC.
- 


Pastikan kakitangan bertugas memakai pelitup muka.
- 


Pastikan saringan suhu badan & gejala batuk, selsema, sakit tekak & susah bernafas) dilakukan setiap kali memasuki premis tempat latihan tempat pertandingan.
- 


Penjarakan fizikal di premis / tempat latihan tempat pertandingan adalah 1 m.
- 


Pastikan kaedah penyampaian maklumat adalah secara lisan tanpa melibatkan sentuhan fizikal (anggota badan) kepada pengguna premis venue / tempat latihan / tempat pertandingan.
- 

Pastikan cecair pencuci tangan (hand sanitizer) disediakan untuk kemudahan penggunaan.
- 

Pastikan susun atur peralatan dengan penjarakan 1 - 2 m dan disertakan penandaan dan pandu arah yang jelas.
- 

Pastikan peralatan yang digunakan dibersihkan dan dinyahkuman selepas penggunaan. Perkongsian peralatan sukan peribadi seperti raket, kayu hoki, peralatan golf dan sebagainya adalah DILARANG.
- 

Pastikan tatacara pengendalian kes kecemasan disediakan. Jika didapati kes positif di kalangan pengunjung ke premis, Pejabat Kesihatan (PK) berkaitan dan SDMC perlu dimaklumkan dengan segera. Arahan PK dan SDMC untuk penutupan sementara untuk proses pembersihan dan disinfeksi perlu dipatuhi. Setelah didisinfeksi, PK dan SDMC perlu dimaklumkan untuk pembukaan semula premis.
- 

Pembersihan dan nyahkuman premis tempat latihan tempat pertandingan dilakukan mengikut kekerapan penggunaan.
- 

Pastikan penyeliaan pematuan pengguna kepada SOP dan juga memberi kerjasama kepada pemantauan yang akan dilakukan oleh SDMC.

PKPB



SOP KEJOHANAN/PERTANDINGAN TEMPATAN



KEMENTERIAN BELIA & SUKAN SARAWAK SOP SEKTOR SUKAN / REKREASI

PENGANJURAN KEJOHANAN/PERTANDINGAN TEMPATAN PRA PENGANJURAN

- 

Pastikan penganjuran kejohanan/pertandingan mendapat kelulusan KBSS dan di maklumkan kepada SDMC.
- 

Tanggungjawab dan jaminan bertulis oleh penganjur untuk pematuhan SOP.
- 

Disarankan untuk mewujudkan pasukan/ skuad pemantau untuk menasihati pematuhan SOP.
- 

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhak membuat pemantauan pada bila-bila masa dan mengambil tindakan/denda (mengikut Akta/ Undang-undang berkaitan) kepada penganjur jika berlaku ketidakpatuhan.
- 

Pastikan imbasan QR (QR Code) aplikasi MySejahtera/ CovidTrace/ QMunity di paparkan di premis / venue bagi pendaftaran individu melalui tvelefon bimbit.
- 

Pastikan penyediaan alat saringan suhu badan dan pencuci tangan (hand sanitizer) disediakan di setiap pintu masuk premis /venue.
- 

Pastikan Penjarakan Fizikal.
- 

Pastikan penyediaan hand sanitizer di tempat tempat yang kerap digunakan seperti tempat duduk, surau, bas pasukan, bangku simpanan pemain dan sebagainya.
- 

Pastikan garis panduan, penandaan dan pandu arah yang jelas disediakan sebagai panduan untuk setiap individu / pengguna premis /venue.
- 

Pastikan tempat duduk ditandakan dengan memastikan penjarakan fizikal.
- 

Pastikan jadual pertandingan dengan bilangan acara yang terhad bagi memastikan bilangan pengguna yang minima.
- 

Pastikan penggunaan kemudahan tambahan seperti sauna, jacuzzi dan lain lain adalah DILARANG.
- 

Pastikan tatacara pengendalian kes kecemasan disediakan.
- 

Penganjur digalakkan menyediakan SOP mengikut keperluan sukan masing-masing.



KEMENTERIAN BELIA & SUKAN SARAWAK SOP SEKTOR SUKAN / REKREASI

| PENGANJURAN KEJOHANAN/PERTANDINGAN TEMPATAN

- 1**

KELULUSAN:

 - Pastikan penganjuran kejohanan pertandingan mendapat kelulusan KBSS dan dimaklumkan kepada SDMC.
 - Pastikan peserta/jurulatih dan pegawai mendapat kelulusan PDRM untuk tujuan rentas daerah/negeri.
- 2**

UJIAN RTK ANTIGEN
Ujian RTK Antigen bagi semua peserta pegawai/jurulatih dan pegawai simpanan untuk Kumpulan Sukan Berpasukan dan Tempur dari kawasan PKPB dan PKP (3 hari sebelum) dan disahkan negatif sebelum menyertai kejohanan/pertandingan.
- 3**

PENGANGKUTAN
Pematuhan SOP (semakan suhu badan, pelitup muka, hand sanitizing & penjarakan fizikal) setiap kali pergerakan.
- 4**

VENUE PERTANDINGAN
Pastikan setiap individu mendaftar menggunakan Imbasan QR (QR Code) aplikasi MySejahtera /Covidtrace (Sarawak) yang dipaparkan di premis / venue melalui telefon bimbit masing-masing.
- 5**

PENONTON
Tanpa kehadiran penonton.
- 6**

VENUE PERTANDINGAN
Pastikan pemeriksaan suhu badan dan saringan gejala (batuk, selsema, sakit tekak & susah bernafas) dilakukan di setiap pintu masuk venue /premis. Individu mempunyai suhu melebihi **37.5° Celcius** dan/atau bergejala (batuk, selsema, sakit tekak & susah bernafas) **DILARANG** memasuki premis /venue.
- 7**

VENUE PERTANDINGAN
Pembersihan dan nyahkuman premis dilakukan mengikut kekerapan penggunaan.
- 8**

PERALATAN
Peralatan yang digunakan dibersihkan, dinyahkuman dan disanitasi selepas penggunaan.
- 9**

Pastikan tangan dibersihkan dengan pencuci tangan / hand sanitizer yang disediakan sebelum dan sepanjang berada di venue /premis secara kerap.
- 10**

MAKANAN
Digalakkan menggunakan peralatan makanan *biodegradable* pakai-buang bagi penyediaan makanan di premis / venue kejohanan / pertandingan dianjurkan.
- 11**

PENYAMPAIAN MAKLUMAT
Kaedah penyampaian maklumat / arahan adalah dilakukan secara lisan tanpa melibatkan sentuhan fizikal (anggota badan) adalah digalakkan.
- 12**

KEMUDAHAN AWAM
Kawalan bilangan pengguna untuk penggunaan kemudahan awam.
- 13**

PENGURUS/ JURULATIH/ PEMAIN
Pemakaian pelitup muka sebelum dan selepas pertandingan.
Petugas wajib memakai sepanjang waktu bertugas / berada di venue.
- 14**

PODIUM

 - Tidak melibatkan tetamu/ pemberi hadiah.
 - Pemenang berdiri di podium dan piala tersedia di podium masing-masing



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN SARAWAK
SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

**Sebarang perubahan terakluk kepada SDMC
Maklumat lanjut mengenai SOP Penganjuran
Kejohanan akan diperincikan dan dimuat naik di
laman web SDMC dalam masa terdekat**

sarawak.gov.my/web/home/article_view/370/312/

“KITA JAGA KITA”